



Dicky juga turun ke gelanggang

KEJUARAAN Silat Sedunia kali keempat ini yang bermula kelmarin, diserikan dengan kehadiran beberapa pelakon terkenal Indonesia.

Mereka ialah Dicky Zulkarnain, Benjamin S dan seorang pelakon wanita baru, Fery Soraya (kiri) akan mengadakan pertunjukan silat, di Stadium Negara, malam ini.

Dicky yang terkenal dalam filem-filem yang menggambarkan kekuatan persilatan Indonesia, mempunyai ramai peminat di negara ini.

Manakala Benjamin S pula lebih terkenal dengan filem komedi dan Fery Soraya yang popular di Indonesia, masih belum begitu dikenali oleh peminat-peminat filem di sini.

Mereka dijangka disertai oleh beberapa artis negara seperti Mokhtaruddin, Zulkifli Zain, Eman Manan dan Taman Idris.

-4 DEC 1987